

08 OCT 2001

Parlimen-Mahathir (Ekonomi)

ASAS EKONOMI MALAYSIA TETAP KUKUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa asas ekonomi Malaysia tetap kukuh dengan inflasi dan Indeks Harga Pengeluar yang rendah sungguhpun turut menerima kesan daripada kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

"Ini bermakna Malaysia masih merupakan sebuah negara yang kompetitif," katanya ketika menjawab soalan Ronald Kiandee (BN-Beluran) pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata sehingga 29 Sept lepas, rizab luar negara terus kukuh berjumlah US\$29.7 bilion (RM112.86 bilion) dan mampu membiayai 4.6 bulan import tertangguh.

Kerajaan akan terus berusaha memastikan bahawa kesejahteraan dan kemakmuran rakyat adalah terjamin dan kerajaan berupaya menghadapi dan mengatasi krisis ekonomi baru ini.

Beliau berkata peristiwa serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas telah mengubah senario ekonomi dunia dan menggugat pasaran kewangan dan perdagangan antarabangsa dan menambah kata bahawa Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan buruk kemerosotan ekonomi rakan-rakan dagangannya.

Dr Mahathir berkata serangan itu turut memberi kesan terhadap pasaran saham utama dunia yang mengalami kemerosotan berterusan termasuk Indeks Komposit BSKL yang telah menurun 10.9 peratus dalam tempoh 11 hingga 28 Sept lepas.

Pasaran saham negara lain juga menunjukkan penurunan dengan Singapura 15.8 peratus, Manila (12.9 peratus), Jakarta (11.9 peratus), Bangkok (16.1 peratus), Seoul (11.3 peratus) dan Taipei (12.9 peratus), katanya.

Kadar pertumbuhan yang terbaru akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2002 pada 19 Okt ini dijangka lebih rendah daripada paras 7 peratus yang diramalkan semasa pembentangan Belanjawan 2001 tahun lepas.

Beliau berkata eksport negara dijangka berkurangan disebabkan permintaan luar yang kurang menggalakkan dan demikian juga dengan pelaburan asing.

"Industri pengangkutan, insurans dan plancongan juga turut terjejas dan kos perdagangan akan meningkat ekoran pertambahan kadar fret dan insurans," katanya.

Mengenai pakej rangsangan fiskal sebanyak RM4.3 bilion yang diumumkan pada 25 Sept lepas sebagai tambahan kepada pakej yang diumumkan pada bulan Mac, Dr Mahathir berkata ia bertujuan meningkatkan perbelanjaan dalam negeri bagi mengimbangi pengurangan aliran masuk perdagangan luar negara.

Dr Mahathir berkata antara langkah yang diambil dalam pakej tambahan itu termasuk peruntukan RM1,000 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil pembangunan luar bandar dan beberapa projek kecil di bandar.

Kerajaan juga telah mengarahkan supaya projek itu diagihkan kepada kontraktor tempatan Kelas F dan E dan kontraktor Bukan Bumiputera di kampung-kampung baru.

Mengenai soal Belanjawan 2002 yang dtimbulkan oleh Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau), Dr Mahathir berkata peruntukan yang dibuat dalam belanjawan itu akan mengambil kira apa yang berlaku di Amerika Syarikat sejak permulaan tahun ini hingga peristiwa serangan pada 11 Sept lepas.

Beliau juga berkata ketua-ketua negara Asean akan membincangkan masalah kemerosotan ekonomi dunia serta kesannya terhadap negara-negara anggota pada persidangan Apec di Shanghai, China pada bulan ini.

-- BERNAMA

RZS AKT PR